



SIARAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

JPJ MEMPERKENALKAN SIJIL PEMILIKAN KENDERAAN (VOC) BAGI MENGGANTIKAN KAD PENDAFTARAN KENDERAAN (RC)

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) meneruskan transformasi jabatan dengan memperkenalkan Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) bagi menggantikan Kad Pendaftaran Kenderaan (RC) yang akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa bermula 1 Jun 2016.

Pengenalan VOC masih lagi merupakan suatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang mengandungi butiran pemilik dan kenderaan. Namun, dalam usaha untuk memudahkan urusniaga dengan JPJ, VOC yang diperkenalkan ini tidak lagi digunakan sebagai dokumen atau instrumen bagi urusan seperti Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan), Tukar Hak Milik, atau Pindaan Maklumat. VOC tidak mengandungi cetakan rekod urusniaga seperti mana yang terdapat pada RC, manakala semakan data dilakukan terus dengan sistem pengkalan data JPJ.

Pelaksanaan VOC bakal dibuat secara berperingkat seperti berikut:

Fasa	Pemilik kenderaan yang terlibat
Fasa 1 (1Jun 2016)	VOC akan dikeluarkan kepada pemilik pendaftaran kenderaan baharu dan pemilik baharu bagi proses tukar hak milik kenderaan.
Fasa 2 (1September 2016)	VOC akan dikeluarkan kepada pemilik yang membuat pembaharuan cukai jalan dan pemilik yang membuat pindaan/pembetulan maklumat kenderaan
Fasa 3 (1Januari 2017)	VOC akan dikeluarkan kepada pemilik yang hadir ke JPJ (secara sukarela) bagi menggantikan Kad Pendaftaran Kenderaan (RC)

JPJ mensasarkan, menjelang 1 Januari 2020 semua pemilik kenderaan berdaftar telah melaksanakan gantian RC Kenderaan kepada VOC. Dengan pelaksanaan VOC ini, sistem penyampaian perkhidmatan melalui transaksi atas talian juga bakal lebih diperluaskan serta dilaksanakan dengan mudah dan pantas.

**IBU PEJABAT
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN,
MALAYSIA**

1 JUN 2016

[TAMAT]

Laman Web: www.jpj.gov.my